

IGM NEWS



The electronic newsletter of the Institute of Geology Malaysia

Advance Geoscience,
Advance the Nation

April-June 2023

For IGM members only

Vol 3, Issue 5

HAPPY GEOLOGIST DAY 2023

INSIDE THIS ISSUE

President's & Editor's message

Past and upcoming IGM activities

International Geologist Day: IGM
President Speech

Draft IGM Strategic Plan 2030

Call for nomination for IGM executive
and council member 2023/2024

eISSN 2805-573X



ABOUT IGM

Institute of Geology Malaysia, also known as IGM, was officially registered with the Malaysian Registrar of Societies in 1989 (PPM-003-14-11031989). Its establishment was in response to the urgent need for a single body to regulate the profession of geology in Malaysia. The seal of IGM portrays a hammer flanked by silhouette maps of Peninsular Malaysia and East Malaysia. The seal depicts the basic tool of the field geologist and thus symbolizes the role of the geologist in Malaysia. The objectives of IGM are as follows:

1. To provide a central organization for geologists in the form of a learned and scientific institute for geology and to provide for the definition of, and qualification for, the various branches of the profession of the geological sciences.
2. To promote friendly interaction amongst geologists and to hold meetings for readings and discussions of matters relating to geology and their various arts and sciences connected therewith.
3. To regulate and uphold the dignity, standing and reputation of the profession of geology.
4. To promote and advance the knowledge, study and practice of geology and the various arts and sciences connected therewith.
5. To assist, advise and cooperate with government departments and other private or public bodies in an honorary capacity on questions relating to the science of geology and policy in respect of land and earth resource utilisation and all other matters connected therewith.

IGM COUNCIL 2022/23

IGM Council for 2022/2023 as elected at the 31st Annual General Meeting on 10 June 2022 are as follow:

President

P.Geol. Gs. Abd. Rasid Jaapar F.I.G.M., FGS, MIGRSM

Vice-President

P.Geol. Dr. Abdullah Sulaiman F.I.G.M.

Secretary

P.Geol. Gs. Wan Md. Nizam Wan Isa F.I.G.M., MIGRSM

Treasurer

P.Geol. Ahmad Nizam Hasan F.I.G.M.

Council Members (2 years)

P.Geol. Abdul Rahim Harun M.I.G.M

P.Geol. Dr. Zuhar Zahir Tuan Harith M.I.G.M

P.Geol. Tuan Rusli Tuan Mohamed M.I.G.M

Y.M Raja Abdul Halim Raja Muda M.I.G.M

Council Members (1 year)

P.Geol. Dr. Ahmad Farid Abu Bakar M.I.G.M.

P.Geol. Sanatul Salwa Hassan M.I.G.M.

P.Geol. Dr. Rohayu Che Omar M.I.G.M.

P.Geol. Yip Foo Weng F.I.G.M (Co-opted)

IGM CHAPTER, TECHNICAL COMMITTEE & WORKING COMMITTEE

The Council of Institute of Geology Malaysia (IGM) for 2022/2023 at the 1st Council Meeting held on 15th July 2022, has decided on the appointment of Chairs for IGM Chapters, Technical Committee and Working Committee in accordance with Article VI, Clause 15 of IGM Constitution as follow:

IGM CHAPTER

IGM Sabah Chapter

*Chairperson: P.Geol. Alexander Yan Sze Wah
F.I.G.M.*

IGM Sarawak Chapter

*Chairperson: P.Geol. Dr. Richard Mani Banda
F.I.G.M.*

TECHNICAL COMMITTEE

Technical Committee on Mineral Resources,
Mining & Quarrying

Chairperson: P.Geol. Yip Foo Weng F.I.G.M.

Technical Committee on Hydrogeology
& Groundwater Resources

*Chairperson: P.Geol. Nizarulikram Ab. Rahim
F.I.G.M.*

Technical Committee on Environmental
& Engineering Geology

*Chairperson: Y.M. Raja Abdul Halim Raja Muda,
M.I.G.M*

Technical Committee on Geophysics

*Chairperson: P.Geol. Dr. Zuhar Zahir Tuan Harith,
M.I.G.M.*

Technical Committee on Coastal and Marine
Geology

*Chairperson: P.Geol. Dr Nor Bakhiah Baharim
M.I.G.M*

Technical Committee on Petroleum Geology

*Chairperson: P.Geol. Sanatul Salwa Hasan
M.I.G.M.*

Technical Committee on Disaster Risk Reduction

*Chairperson: Dr. Khamarrul Azahari Bin Razak
M.I.G.M.*

Technical Committee on GIS & Geotechnology

*Chairperson: P.Geol. Dr. Rohayu Che Omar
M.I.G.M.*

Technical Committee on Geoheritage &
Geotourism

Chairperson: P.Geol. Dr Tanot Unjah M.I.G.M.

WORKING COMMITTEE

Working Committee on Promotion and Out-
reach

*Chairperson: P.Geol. Gs. Abd. Rasid Jaapar
F.I.G.M., FGS, MIGRSM*

Working Committee on Membership

*Chairperson: P.Geol. Dr. Abdullah Sulaiman,
F.I.G.M.*

Working Committee on Website & Admin

*Chairperson: P.Geol. Gs. Wan Md. Nizam Wan
Isa F.I.G.M., MIGRSM*

Working Committee on Finance

*Chairperson: P.Geol. Ahmad Nizam Hasan
F.I.G.M.*

Working Committee on Continuous Profession-
al Development (CPD) Coordination

*Chairperson: P.Geol. Abdul Rahim Harun
M.I.G.M*

Working Committee on Early Career Geologists

*Chairperson: Mohamad Faruq Syahmi Md Ari-
pin M.I.G.M.*

Working Committee on Women in Geology

Chairperson: Dr. Siti Sarah Ab Rahman M.I.G.M.

Working Committee on Publications

*Chairperson: P.Geol. Dr. Ahmad Farid Bin Abu
Bakar M.I.G.M.*

Working Committee for Geological Manual

*Chairperson: P.Geol. Tuan Rusli Tuan Mohamed
M.I.G.M*

IGM-GSM JOINT COMMITTEE

Climate Change Adaptation -

P.Geol. Prof Joy J Pereira F.I.G.M

Geoscience Education -

P.Geol. Dr. Ahmad Farid Bin Abu Bakar M.I.G.M.

IGM SECRETARIAT

Madam Sarah Farhanah Binti Borhanudin

All members who want to contribute through any Chapters, Technical Committees or Working Committee, please contact the respective chairperson.

PRESIDENT'S MESSAGE



P.Geol. Gs. ABD RASID JAAPAR
IGM PRESIDENT

Assalamualaikum wbt.

Happy Geologist Day 2023 & Selamat Hari Raya Aidilfitri.

On behalf of IGM leadership and council, I would like to express my sincere wish to all Malaysian Geologist.

Recently IGM has successfully conducted a brainstorming session in Port Dickson where the program was well attended by most of the IGM Council Members, some of the Chairpersons of the Technical Committee and some selected young members of IGM. Congratulations and well done to everyone present for successfully produced a preliminary document that I think is very good as a guide for the upcoming Council.

IGM will continue the initiatives on outreach and promotion programs to relevant federal and state government agencies on the importance of geoscience in decision making process. Thank you.

P.Geol. Gs. ABD RASID BIN JAAPAR F.I.G.M. FGS MIGRSM
President 2022/23

EDITOR'S MESSAGE



P.Geol. Dr. AHMAD FARID ABU BAKAR
IGM NEWS EDITOR

Assalamualaikum wbt.

All praises for Allah SWT. All blessings and salutations upon our beloved Prophet Muhammad SAW and his family and companions. I hope this newsletter finds you well!

IGM NEWS responsible for disseminating information and recent news related to IGM activities as well as IGM response toward certain issues in our nation. IGM NEWS strongly supports IGM initiatives on outreach and promotion programs to relevant federal and state government agencies as well as the Malaysian public. Hence, IGM NEWS will promote IGM activities and documenting the activities for IGM members.

Thank You

P.Geol. Dr. AHMAD FARID BIN ABU BAKAR M.I.G.M.

Chairperson

Working Committee on Publications

INTERNATIONAL GEOLOGIST DAY: IGM PRESIDENT SPEECH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBrs Tuan P.Geol Zamri bin Ramli Deputy Director General (Operation) Department of Mineral and Geoscience (JMG)

YBhg P.Geol Dato' Zakaria Mohamad, Chairman Board of Geologists Malaysia (BOG)

YBhg Dato' Seri Mohd Ajib Anuar, President Malaysian Chamber of Mines (MCOM)

YBhg P.Geol Dato' Amran Mohamad, President Malaysian Geoscience Consultants and Services Association (MyGeo)

YBrs Tuan Chen Nyet Lin, President Institute of Quarrying Malaysia (IQM)

YBrs Tuan P.Geol. Ahmad Nizam Hasan, President Geological Society of Malaysia (GSM)

1.0 Pengenalan

Bersyukur kita kepada Allah swt, kerana pada hari ini ramai pemimpin industri berkaitan geosains terlibat dalam program ini. Dimasa depan mungkin kita boleh juga libatkan Petronas dalam aktiviti sebegini. Saya amat terharu kerana pertama kali dalam sejarah negara seorang Menteri di Kementerian yang bertanggungjawab terhadap aktiviti ahli-ahli geologi mengeluarkan perutusan rasmi sempena Hari Ahli Geologi Sedunia 2023. YAB Menteri menyentuh berhubung bidang geologi dan peranan ahli geologi; perkongsian beliau yang merasa kagum terhadap iltizam dan kerja keras ahli-ahli geologi JMG Selangor semasa bencana geologi tanah runtuh di Batang Kali pada hujung tahun lalu. YAB Menteri juga menyentuh peranan ahli geologi dalam kesejahteraan masyarakat sambil menyentuh beberapa inisiatif kerajaan yang ahli geologi perlu terlibat sama secara aktif. YAB Menteri menutup ucapan dengan harapan agar ahli geologi dapat terus memberikan sumbangan dan bekerjasama dengan semua entiti yang terlibat dalam pembangunan negara termasuk peningkatan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Ini selaras dengan halatuju Kementerian dalam mendukung gagasan Malaysia Madani agar negara tercinta ini dibangunkan dengan tatakelola pentadbiran yang baik, seterusnya memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Untuk pengetahuan semua, Malaysian Geoscience Coordinating Council (MGCC) ditubuhkan secara sukarela dimana mesyuarat pertama berlangsung secara maya pada 17 Julai 2021. MGCC adalah Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan yang terikat secara longgar (loosely bound) dimana ahlinya terdiri dari ahli geologi yang mewakili kepimpinan tertinggi JMG, BOG, IGM, GSM dan MyGeo dengan tekad untuk kemajuan geosains keseluruhannya. Buat masa ini, IGM memegang tanggungjawab sebagai sekretariat. Pada tahun lepas, MGCC telah berjaya melakukan sambutan hari ahli geologi sedunia dan hari bumi sedunia secara maya. Kita berharap agar kepimpinan tertinggi MCOM, IQM dan Petronas boleh dilibatkan sebagai pemerhati dalam MGCC. Kita juga mengharapkan MGCC boleh dijadikan platform yang lebih formal di peringkat kementerian dengan JMG menjadi sekretariat tetap.

Dato'- dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Ucapan saya hari ini agak panjang dan sedikit provokatif. Saya mohon maaf terlebih dahulu supaya anda semua bersedia untuk menelan apa yang pahit yang akan saya luahkan. Baru baru ini IGM telah berjaya melakukan program sumbangsaran di Port Dickson dimana program tersebut dihadiri oleh sebahagian besar Ahli Majlis IGM, sebahagian Pengerusi, Jawatankuasa Teknikal dan jemputan dari generasi muda geosains. Tahniah dan syabas semua yang hadir kerana berjaya menghasilkan satu dokumen yang saya rasa amat baik sebagai panduan kepada pimpinan IGM akan datang. Deraf awal teras asas geosains dan kompetensi teras juga berjaya dihasilkan. Kita akan berkongsi laporan sumbangsaran semasa AGM nanti. Beberapa siri sumbangsaran mengikut keperluan terutamanya untuk mewujudkan kompetensi teras dan Nota Panduan Teknikal (Technical Guidance Note) kandungan laporan geosains berkualiti untuk setiap keperluan laporan geologi akan terus diadakan bagi menambahbaik lagi dokumen asas sediada.

IGM juga berjaya menghasilkan visi, misi dan slogan seperti berikut:

Vision:

To be the premier geoscience institution for professional enhancement and practices in supporting the nation.

Mission:

Institute of Geology Malaysia pledges to be an effective platform for competency and professional skill enhancement through extensive programmes and upholds the code of conduct for geoscience profession.

Slogan:

ADVANCE GEOSCIENCE, ADVANCE NATION

Halatuju IGM tampak lebih jelas selepas ini. Beberapa pindaan dan tambah baik perlembagaan IGM juga dicadangkan untuk di bawa ke Mesyuarat Agung terdekat.

Pada hari ini, saya ingin menyeyhtuh empat perkara yang perlu direnungkan dan diambil tindakan iaitu berhubung isu:

- 1) Etika Ahli Geologi
- 2) Amalan dan Industri Geosains
- 3) Pendidikan Geosains
- 4) Lembaga Ahli Geologi

2.0 Etika Ahli Geologi

Dato-dato, tuan-tuan dan puan-puan,

Secara umumnya, ahli-ahli geologi di Malaysia masih lagi kurang penghayatan terhadap Code of Conduct dan Etika Profesional yang dikeluarkan oleh BOG. IGM sentiasa konsisten dalam menekankan peri pentingnya BOG mengambil inisiatif untuk mengimarahkan pemahaman Code of Conduct dengan menganjurkan kursus wajib berhubung perkara ini kepada semua ahli-ahli geologi yang berdaftar dgn BOG. Kita berharap BOG akan mengambil tindakan pantas dalam hal ini. Kita mencadangkan agar mereka yang mengikuti kursus ini diberi mata CPD sekurang-kurangnya 8 kerana perkara ini amat penting dalam pembangunan profesional ahli-ahli geologi. Bagaimana mungkin hendak menjadi profesional sekiranya Code of Conduct atau Etika Profesional tidak difahami dengan jelas. IGM bersedia untuk menganjurkan kursus wajib tersebut sekiranya mendapat lampu hijau dari BOG. Selain Etika Profesional, ahli-ahli geologi juga perlu memahami geoethics (geo-etika) yang dipopularkan oleh International Association for Promoting Geoethics (IAPG).

Definisi Geoethics oleh IAPG adalah - Geoethics is the branch of ethics which relates to the interaction of human activity with our physical world in general, and with the practice of the earth sciences in particular. It may also have relevance to planetary sciences. It is described as an emerging scientific and philosophical discipline, consisted of research and reflection on the values that serve as the bases of behaviours and practices wherever human activities interact with the earth system. Moreover, geoethics promotes the ethical and social roles of geoscientists in conducting scientific and technological research and practice. For these reasons, geoethics pursues recognition of humankind's duties and responsibility towards the earth system. A more specialized use emerged as the term came to deal with the ethical, social, and cultural implications of the behavior and professional activities of geologists.

Untuk memendekkannya, geoethics adalah berhubung etika dan tanggungjawab kita sebagai ahli-ahli geologi terhadap kehendak manusia dan pembangunan dan juga tanggungjawab kita terhadap sistem bumi dan sekitaran. Setiap kajian yang dilakukan dan laporan yang dihasilkan perlu mengambil kira antara kehendak manusia untuk kemajuan atau pembangunan dan juga keperluan menjaga sistem bumi dan sekitaran. Ini adalah satu amanah yang berat sebagai khalifah di muka bumi ini.

3.0 Amalan dan Industri Geosains

Menurut Akta Ahli Geologi (2008), takrifan perkhidmatan geologi adalah:

Geological Services means the provision of geological advice and services pertaining to all or any of the following: feasibility studies; planning; geological surveying; implementation, commissioning, operation, maintenance and management of geological survey works or projects; and any other services approved by the Board.

Ayat terakhir and any other services approved by the Board adalah amat penting untuk BOG dan kita semua menterjemahkan apakah perkhidmatan lain yang diusahakan oleh ahli-ahli geologi yang belum dan perlu diistiharkan sebagai geological services. Beberapa pertanyaan lain yang perlu dijawab termasuk What is Geoscience Practice? What is Geological Survey? What is Geoscience Consultancy? What is Geoscience Service Provider? What is Geoscience Contractor? What is Geoscience Consultant? Satu lagi perkara penting yang sering saya tekankan kepada BOG adalah berhubung aktiviti dan bidang geologi.

Di dalam Akta Ahli Geologi ada dinyatakan, Fields of geology are listed in the Second Schedule of Geologist Act 2008 (Act 689) or as gazette by the Board of Geologists Malaysia from time to time. Adalah amat penting untuk fields of geology ini ditakrifkan satu persatu supaya lebih jelas dan kita tidak diganggu-gugat oleh profesion lain. Ayat terakhir or as gazette by the Board of Geologists Malaysia from time to time juga amat penting dipandang serius oleh BOG, MyGeo dan kita semua supaya mana-mana bidang lain yang berkaitan dengan geosains boleh diangkat menjadi sebahagian dari fields of geology dalam Akta Ahli Geologi. Perkara ini penting untuk dimaktubkan bersama-sama Akta Ahli Geologi dalam memartabatkan profesion ahli geologi. Ini juga perlu supaya pemahaman yang jelas dapat difahami disemua peringkat tentang perbezaan aktiviti dan produk setiap satunya. Acapkali pegawai-pegawai kerajaan sendiri tidak dapat membeza antara perunding dan kontraktor atau antara kerja-kerja bersifat perundingan dan perkhidmatan.

Kita juga telah cuba untuk mendefinisikan Geoscience Industry seperti berikut:

Geoscience Industry defined as any economic activities that based- or related- to geoscience that require geoscience inputs for research, planning, management, maintenance and monitoring works such as mining and quarrying works, exploration and production of industrial minerals, land use planning, usage and interpretation of remote sensing technology, assessment and management of environments, geothermal energy management, earthworks and early works of constructions, exploration and monitoring of oil and gas, professional services and consultancy, underground storage, geotourism, geoagriculture, etc.

Apabila kita membincangkan career progression sebagai ahli geologi, kita bimbang apabila terdapatnya graduan baru yang dibayar secara freelancing atau secara kontrak longgar atau ada kerja ada gaji semakin menjadi trend sekarang ini. Bagaimana graduan baru ini mampu membentuk diri mereka menjadi seorang ahli geologi profesional sekiranya perjalanan kerjaya mereka tidak jelas dan tanpa latihan sambil kerja yang baik. Mungkin telah sampai masa, BOG menguatkuasakan program Professional Supervisor atau Mentor-Mentee dengan rekod atau buku log yang jelas supaya perkembangan kerjaya secara profesional ahli-ahli geologi muda lebih teratur dan kemas. Perkara ini telah dilakukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) atau Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJTM) dengan baiknya serta boleh dilakukan seiring dengan peperiksaan professional yang dicadangkan.

Kita ingin menyeru agar pemain industri dapat membantu menaikkan taraf ahli geologi dengan menggaji ahli-ahli geologi secara tetap dan menyediakan kemudahan dan laluan untuk Continuous Professional Development (CPD). Adalah tidak wajar untuk melantik graduan baru atas dasar freelancer atau on project basis. Sebagai professional, ahli-ahli geologi juga perlu mencarum kepada KWSP dan PERKESO untuk keperluan dikemudian hari. Insuran juga penting terutamanya bila melibatkan kerja lapangan. Diharap pemain industri dapat memikirkan agar graduan geologi lebih berketrampilan disamping membantu perkembangan profesion ahli geologi.

Kita juga mengalu-alukan ahli geologi yang secara bersendirian menawarkan perkhidmatan dan perundingan dalam bidang geosains supaya berdaftar dgn Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ini kerana dengan pendaftaran perniagaan atau syarikat, kita boleh tunjukkan bahawa ahli geologi serius dalam mengembangkan industri geosains. Industri geosains juga mampu untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara dengan bayaran cukai, fi dan sebagainya. Ini juga boleh membuktikan bahawa industri geosains lebih tersusun dan lebih profesional.

Geologi sekarang ini adalah regulated profession sama seperti doktor, peguam, jurutera dan lain-lain lagi. Tanggungjawab juga menjadi semakin besar dan penting. Oleh itu, kita berharap agar pemain industri boleh memberi gaji minima yang setimpal untuk graduan baru. Mungkin gaji graduan baru ini perlu melebihi RM2,000 atau RM2,500 supaya padan dengan profesion ahli geologi yang telah diangkat sebagai professional.

Dato-dato, tuan-tuan dan puan-puan,

Secara umumnya, kita boleh bahagikan industri geosains di Malaysia kepada 5 sektor industri penting yang berkaitan dengan ahli geologi:

- 1) Industri Minyak dan Gas
- 2) Industri Mineral, Lombong dan Kuari
- 3) Industri Pembinaan dan Bencana Geologi (termasuk Keperluan Alam Sekitar)
- 4) Industri Sumber Air Tanah
- 5) Industri Geo-pelancongan

Satu lagi sektor penting yang perlu ditekankan yang merangkumi semua industri geosains adalah Climate Change and Disaster Risk Reduction. Kita juga perlu memikirkan bagaimana hendak mengaitkan segala aktiviti ahli geologi dengan Sustainable Development Goal (SDG) mahu pun Carbon Zero initiative.

3.1 Industri Minyak dan Gas

Industri minyak dan gas adalah industri yang telah matang dimana ahli-ahli geologi yang bekerja di industri ini mempunyai laluan kareer yang jelas dan amat cerah. Walaupun begitu, terdapat juga ahli-ahli geologi yang bekerja di beberapa perkhidmatan sampingan industri minyak dan gas yang perlu diberi perhatian antaranya seperti sektor geophysical, geotechnical and bathymetrical survey for rig emplacement and field development. Kerja-kerja awalan ini penting untuk kejayaan eksplorasi dan produksi seterusnya tetapi selalu dipandang sepi oleh banyak pihak di industri minyak dan gas. Kompetensi teras dan CPD nya masih tidak jelas atau hampir tiada. Kita perlu fikirkan bersama bagaimana perkhidmatan sampingan industri minyak dan gas yang melibatkan ramai ahli-ahli geologi boleh dilonjakkan lagi serta punya program CPD yang jelas.

3.2 Industri Mineral, Lombong dan Kuari

Bagi industri perlombongan, mutakhir ini kita dimomokkan dengan fenomena yang kalau boleh saya panggil REE Rush (ini merujuk kepada fenomena gold rush di Western USA sekitar 1800-an). Masyarakat perlombongan juga sibuk bercerita berkenaan REE. Ramai juga broker-broker REE yang lahir. Untuk industri perlombongan bergerak maju, broker-broker sebegini sepatutnya tidak perlu ada dalam industri. Ahli Geologi Profesional sendiri adalah broker terbaik untuk industri perlombongan.

Industri Perlombongan memang amat memerlukan lebih ramai penglibatan ahli-ahli geologi. CPD yang lebih sistematik untuk melahirkan ahli-ahli geologi perlombongan yang kompeten perlu dirangka oleh pemain industri. Sekali lagi saya menyeru agar BOG tampil ke hadapan untuk menangani permasalahan ini serta dibantu oleh IGM, MyGeo dan MCOM. Malaysia Mineral Reporting Code (MMRC) yang membolehkan ahli-ahli geologi dan jurutera perlombongan Malaysia bergerak dengan lebih jauh masih dalam persiapan. Buat masa ini, MMRC yang digerakkan oleh IGM telah diangkat di bawah BOG. Jawatankuasa ini perlukan sokongan dari pemain industri supaya dapat disiapkan secepat mungkin. Dari sudut ini, kita ketinggalan jauh berbanding rakan-rakan kita di Indonesia dan Fiipina.

Kita dapati IQM memang punya program CPD yang agak tersusun berhubung pengurusan kuari dan beberapa lagi kursus khas seperti pembedil. Kita perlu berbincang samaada dengan IQM atau ahli-ahli geologi yang terlibat dengan kuari berkenaan kursus-kursus khas lain berkaitan geologi yang diperlukan di industri kuari. Kita memang memerlukan pemain industri sendiri untuk tampil kedepan membantu kita mengolah pembentukan ahli geologi yang kompeten.

3.3 Industri Pembinaan dan Bencana Geologi (termasuk Keperluan Alam Sekitar)

Untuk industri pembinaan dan bencana geologi, amalan kita terutama berkaitan penawanan data dan pemetaan agak setanding dengan amalan antarabangsa. Teknologi dan kaedah yang digunakan diperingkat antarabangsa juga digunapakai oleh ahli-ahli geologi tempatan. Apa yang kurang adalah dari segi kebolehan melakukan analisa secara kualitatif dengan penggunaan matematik serta penggunaan perisian terkini. You can't manage what you can't measure adalah kata-kata yang bertepatan sekali.

Ahli-ahli geologi kejuruteraan dikebanyakan negara maju berupaya melakukan analisa atau menghasilkan laporan kejuruteraan sebaik rakan-rakan jurutera geoteknik mereka. Hubungan yang baik antara ahli geologi kejuruteraan dan jurutera geoteknik amat perlu untuk menghasilkan analisa, laporan dan kaedah mitigasi atau penyelesaian yang tepat serta berkesan. CPD berhubung perisian dan kaedah terkini amat diperlukan di industry ini. Secara peribadi, untuk lebih berjaya dan maju, saya amat menyarankan agar ahli-ahli geologi kejuruteraan perlu ada ilmu tambahan berhubung mekanik dan rekabentuk geoteknik supaya dapat memahami subjek dengan lebih berkesan serta berkomunikasi dengan jurutera dengan lebih baik. Ini boleh didapati melalui kursus master in geotechnical engineering secara berkuliah di universiti awam tempatan.

Bencana baru muncul (emerging disaster) seperti aliran puing berganda berskala besar (large-scale multiple debris flow) yang melanda negara secara berturut-turut di tahun 2021 dan 2022 perlukan pemahaman dan tindakan susulan yang tepat. Ini merupakan satu lagi cabaran kepada ahli-ahli geologi tempatan. Kita memang sangat-sangat berharap agar Pusat Kajian Bencana Geologi yang disarankan kepada NRECC melalui JMG dapat direalisasikan secepat mungkin. Peranan ahli geologi dalam menangani permasalahan alam sekitar semakin meningkat. Dalam membantu Jabatan Alam Sekitar (JAS) atau lain-lain agensi teknikal berkaitan, peranan ahli geologi masih jauh ketinggalan berbanding peranan professional lain. Sewajibnya urusan pencemaran tanah dan air tanah (ground and groundwater contamination) atau sub-surface contamination adalah tanggungjawab ahli geologi atau ahli hidrogeologi. Dari mula kajian hinggalah ke proses mitigasi dan pembersihan (mitigation and clean-up process), perlukan input dari ahli geologi. Kita sangat-sangat terkebelakang dalam hal ini.

Kandungan dan presentasi laporan geologi dalam kajian Environmental Impact Assessment (EIA) sangatlah lemah. Begitu juga kandungan dan presentasi laporan geologi dalam Laporan Kebenaran Merancang (KM) untuk permohonan pembangunan. Kebanyakan ahli geologi hanya berupaya menyediakan Peta Geologi Terrain dan Peta Kesesuaian Pembinaan (Geological Terrain Map and Construction Suitability Map) tetapi gagal untuk mengutarakan impak kerja-kerja pembangunan terhadap geologi setempat mahupun impak geologi terhadap kerja-kerja pembangunan.

3.4 Industri Sumber Air Tanah

Saya berpendapat, industri sumber air tanah di Malaysia adalah yang paling jauh ketinggalan dibandingkan dengan amalan pada peringkat antarabangsa mahupun jika dibandingkan dengan industri lain yang melibatkan ahli geologi. Pemain industri dan profesional dalam industri ini terlalu fokus hanya kepada kerja-kerja fizikal penggerudian tanpa memperdulikan pemahaman pencirian akuifer. Kita juga kekurangan pakar di industri mahupun di sektor awam yang mampu melihat industri ini diuruskan dengan lebih holistik.

Amalan pengurusan dan pembangunan air tanah amat kurang suntikan akademiknya. Saya berpendapat, kita perlu tingkatkan keupayaan permodelan air tanah mengikut lembangan atau sub-lembangan serta pencirian akuifer yang tepat. Kajian lembangan air tanah sekarang ini hanya melibatkan alluvial aquifer atau shallow aquifer. Underground reservoirs sebenarnya mengandungi air melebihi keupayaan kebanyakan surface reservoirs dan tasik. Sebagai contoh, Australia yang sememangnya terkenal punya amalan pengurusan air tanah yang baik. Ahli-ahli geologi Australia telah berjaya membuat model dan pencirian the Great Artesian Basin. Ia merupakan salah satu sistem confined aquifer terbesar didunia meliputi hampir 2 juta km².

Ahli-ahli geologi juga telah berjaya mencirikan akuifer dengan baik, antaranya ialah air tanah didapati berusia lebih sejuta tahun. Usia air tanah berbeza mengikut kawasan. Air tanah mampu bergerak 1000km dari punca re-charge dalam masa 1 juta tahun dengan purata 1m setahun. Data dan pengetahuan beginilah yang penting untuk membantu pembuat dasar dan pembuat keputusan dalam melakukan keputusan di negara kita. Tanpa data dan fakta yang jelas dan lengkap, industri air tanah akan dipandang sepi di Malaysia. Ini belum lagi kita menyentuh isu-isu lain berkaitan air tanah seperti pencemaran, amblesan dan peranan air tanah dalam bencana geologi. Sesungguhnya, amalan industri air tanah ini perlu dikembangkan dengan lebih aktif dan juga perlu pendekatan yang lebih terkini setanding amalan antabangsa. Kita juga mengharapkan pemain industri yang serius supaya tampil kedepan untuk membantu dari segi membentuk kursus dan latihan CPD untuk industri air tanah.

3.5 Industri Geo-pelancongan

Mutakhir ini, kerajaan persekutuan mahupun negeri amat berminat dalam industri geo-pelancongan termasuklah berlumba-lumba dalam penubuhan Geopark Kebangsaan. Setakat ini kita sudah punya 6 Geopark Kebangsaan dan 1 UNESCO Global Geopark serta beberapa lagi Aspiring Geopark. Beberapa tahun mendatang, pasti akan ada tambahan UNESCO Global Geopark dan Geopark Kebangsaan. Namun yang pasti pembangunan dan program Geopark Kebangsaan kebanyakannya sepi selepas pengistiharan dilakukan. Tiada usaha berterusan yang kita perhatikan. Kearah mana Geopark Lembah Kinta, Strong dan Lenggong? Ahli geologi cuma sibuk semasa diawal mula pembentukan Geopark sahaja. Kita sibuk dengan kerja-kerja inventori dan pemetaan kemudian selepas pengistiharan, kita hilang entah ke mana. Ahli geologi perlu terlibat sehingga akhirnya. Geopark perlukan penglibatan masyarakat. Tanpa penglibatan masyarakat, mustahil Geopark Kebangsaan mampu digerakkan. Kempen berterusan kepada masyarakat perlu secara berterusan. Pembangunan geotapak perlu ditekankan sebelum memajukan geopark.

Kebelakangan ini kita dapati telah ada perubahan dimana pembangunan geotapak akan lebih diutamakan. Ini satu perkembangan yang baik dan menarik. Sekarang ini juga telah ada pihak-pihak pemaju swasta yang berminat untuk membangunkan geotapak baru secara bersendirian. Ini satu lagi perkembangan yang amat baik. Mereka ini amat perlukan khidmat pakar dan nasihat dari ahli geologi dari mula sehingga siap pembangunannya.

